

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
DI KALANGAN USAHAWAN KECIL BUMIPUTERA PARIT RAJA DAN
KEPERLUANNYA DALAM PERNIAGAAN YANG DICEBURU:
SATU KAJIAN KES



ROSLINA BINTI HAJI AHMAD

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO
3 0000 00119498 8



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES

JUDUL : **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI KALANGAN USAHAWAN KECIL BUMIPUTERA PARIT RAJA DAN KEPERLUANNYA DALAM PERNIAGAAN YANG DICEBURI :SATU KAJIAN KES.**

SESSI PENGAJIAN : **2001 / 2002**

SAYA : **ROSLINA BINTI HAJI AHMAD**
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Kajian Kes ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Kajian Kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian ini sebagai bahan pertukaran antara institut pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (√)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat :
81, Kg. Pt. Mastar.
82200 Benut, Pontian,
Johor.

En. Mohd. Yusop Abd. Hadi
(Nama Penyelia)

Tarikh : 28 September, 2001

Tarikh : 28 September, 2001

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal).”



Tandatangan : 
Nama Penyelia : En . Mohd. Yusop Bin Abd. Hadi
Tarikh : 28 September, 2001

PTTA UTeM
PERPUSTAKAAN TEKNIK TUN AMINAH

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
DI KALANGAN USAHAWAN KECIL BUMIPUTERA PARIT RAJA DAN
KEPERLUANNYA DALAM PERNIAGAAN YANG DICEBURI:
SATU KAJIAN KES

ROSLINA BINTI HAJI AHMAD

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn


SEPTEMBER 2001



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :



Nama Penulis : Roslina Binti Haji Ahmad

Tarikh : 28 September, 2001



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Istimewa buat ibu, abang, kakak dan keluarga tersayang. Buat Allahyarham ayah yang tercinta ... Al-Fatihah, semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan bertaqwa. Terima kasih kepada semua di atas segala jasa, pengorbanan, dorongan dan kasih sayang yang diberikan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, penulis dapat menyiapkan kajian kes ini yang bertajuk “ Latar Belakang Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Kalangan Usahawan Kecil Bumiputera Parit Raja dan Keperluannya Dalam Perniagaan Yang Diceburi : Satu Kajian Kes”.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di sepanjang penyediaan kajian kes ini terutama kepada Encik Mohd Yusop Bin Abd. Hadi, pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional selaku penyelia kajian kes di atas segala bimbingan, bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada usahawan-usahawan kecil di Parit Raja yang telah memberikan kerjasama dalam kajian kes ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu di dalam proses menyiapkan kajian kes ini. Semoga segala usaha dan keringat yang diberikan akan direndah oleh Allah S.W.T.

Terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan kajian kes ini.

Wassalam.

ABSTRAK

Kajian kes mengenai latar belakang pendidikan teknik dan vokasional (PTV) usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dan keperluannya dalam perniagaan yang diceburi adalah bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang PTV yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja, Batu Pahat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui latihan teknik dan vokasional yang telah disertai dan tanggapan terhadap latihan tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui latihan dan kemahiran teknik dan vokasional yang diperlukan oleh mereka. Di dalam kajian ini, ia melibatkan responden seramai 82 orang. Pemprosesan dan penganalisan data dilakukan dengan menggunakan perisian Microsoft Excel dalam Bahagian A dan B (maklumat peribadi dan latar belakang perniagaan responden) untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan. Manakala dalam Bahagian C pula (latar belakang PTV, latihan teknik dan vokasional yang pernah disertai, tanggapan terhadap latihan tersebut serta latihan dan kemahiran teknik dan vokasional yang diperlukan oleh responden), perisian 'Statistical Package For Social Sciences' (SPSS) digunakan untuk mendapatkan perhitungan min. Dapatan kajian mendapati usahawan kecil Bumiputera Parit Raja hanya mempunyai tahap PTV di peringkat asas (SPM) dan mereka memerlukan latihan dan kemahiran teknik dan vokasional di dalam perniagaan yang diceburi.

ABSTRACT

This case study is about the background of vocational and technique education (VTE) among the Bumiputera's small entrepreneurs in Parit Raja and its importance to their business : A case study. The objectives of this case study are to identify the background of VTE among Bumiputera's small entrepreneurs in Parit Raja, Batu Pahat. Beside, this case study is also to identify the vocational and technique training that the entrepreneurs have involved and their perception about the training. This case study also to identify the technique and vocational training which is needed by the entrepreneurs. 82 respondents were involved in this research. Data processing and analysis is done by using Microsoft Excel software in Part A (respondents' background) and B (respondents' business background). In part C (the background of VTE, training involvement in VTE, perception on the training and skill and training needed by the respondents), Statistical Package For Social Sciences (SPSS) software is used to obtain mean calculation. The result shown that the small entrepreneurs of Bumiputera in Parit Raja have attained an average education in VTE at a basic level (SPM). They are still need to a have a training and skill on vocational and technique while running their business.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES

HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL

i

HALAMAN PENGAKUAN PENULIS

ii

HALAMAN DEDIKASI

iii

HALAMAN PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xii

SENARAI SINGKATAN

xiii

SENARAI LAMPIRAN

xiv

BAB I	PENDAHULUAN	1
--------------	--------------------	----------

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Masalah	3
-----	------------------------	---

1.3	Penyataan Masalah	5
-----	-------------------	---

1.4	Soalan Kajian	6
-----	---------------	---

1.5	Objektif Kajian	7
-----	-----------------	---

1.6	Kerangka Teori	8
1.6.1	Huraian Kerangka Teori	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Definisi Istilah dan Operasional	12
BAB II	SOROTAN PENULISAN	16
2.1	Pendahuluan	16
2.2	Usahawan, Industri Kecil dan Peranannya	17
2.3	Senario dan Prestasi Usahawan Kecil Masa Kini	20
2.4	Pendidikan dan Latihan	21
2.5	Pendidikan Teknik dan Vokasional	24
2.6	Program Khidmat Sokongan	26
2.7	Hubungkait Antara Usahawan Dengan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional	32
BAB III	METODOLOGI PENYELIDIKAN	33
3.1	Pendahuluan	33
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Sumber Data / Responden	35
3.4	Instrumen Kajian	35
3.4.1	Kajian Rintis	38
3.5	Prosedur Kajian	39
3.6	Kaedah Analisis Data	41
3.7	Batasan Kajian	42
3.8	Andaian	43



BAB IV	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	44
4.1	Pendahuluan	44
4.2	Dapatan Kajian : Latar Belakang Responden dan Perniagaan	45
4.2.1	Latar Belakang Responden Mengikut Jantina dan Umur	45
4.2.2	Bentuk Perniagaan Usahawan Kecil Bumiputera	47
4.2.3	Jenis Perniagaan Usahawan Kecil Bumiputera	49
4.2.4	Asal Usul Perniagaan Usahawan Kecil Bumiputera	51
4.2.5	Premis Perniagaan Usahawan Kecil Bumiputera	52
4.3	Dapatan Kajian : Latar Belakang Pendidikan, Tanggapan dan Keperluan Usahawan Kecil Bumiputera Terhadap Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional	54
4.3.1	Pendidikan Asas Teknik dan Vokasional Usahawan Kecil Bumiputera	54
4.3.2	Pendidikan Tinggi Teknik dan Vokasional Usahawan Kecil Bumiputera	56
4.3.3	Latihan Teknik dan Vokasional Yang Disertai Oleh Usahawan Kecil Bumiputera	57
4.3.4	Pandangan Terhadap Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional	58
4.3.5	Latihan dan Kemahiran Teknik dan Vokasional Yang Diperlukan Oleh Usahawan Kecil Bumiputera	61



BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	62
5.1	Pendahuluan	62
5.2	Perbincangan	63
5.2.1	Pendidikan Asas Teknik dan Vokasional	63
5.2.2	Pendidikan Tinggi Teknik dan Vokasional	64
5.2.3	Penyertaan Dalam Latihan Teknik dan Vokasional	64
5.2.4	Tanggapan Terhadap Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional	65
5.2.5	Keperluan Terhadap Latihan dan Kemahiran Teknik dan Vokasional	65
5.3	Rumusan	66
5.4	Cadangan	67
	BIBLIOGRAFI	69
	LAMPIRAN	
	Lampiran A -- E	73-90



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Senarai agensi sokongan program pembangunan usahawan	28-30
2.2	Senarai agensi sokongan program latihan teknik dan vokasional.	30-31
3.1	Prosedur kerja	39
3.2	Penggabungan skala	41
3.3	Tafsiran min	42
4.1	Latar belakang responden mengikut jantina dan umur	46
4.2	Bentuk perniagaan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja	48
4.3	Jenis perniagaan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja	49
4.4	Jenis perniagaan pelbagai usahawan kecil Bumiputera Parit Raja	50
4.5	Asal usul perniagaan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja	51
4.6	Premis perniagaan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja	53
4.7	Dapatan kajian pendidikan asas teknik dan vokasional	54
4.8	Dapatan kajian pendidikan tinggi teknik dan vokasional	56
4.9	Dapatan kajian penyertaan responden dalam latihan Teknik dan vokasional	57
4.10	Dapatan kajian bagi pandangan terhadap pendidikan serta latihan teknik dan vokasional	59
4.11	Dapatan kajian latihan dan kemahiran teknik dan vokasional yang diperlukan oleh responden	61

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Peringkat pendidikan di Malaysia	22
4.1	Pecahan peratusan responden mengikut jantina	47
4.2	Pecahan peratusan responden mengikut bentuk perniagaan	48
4.3	Pecahan peratusan responden mengikut jenis perniagaan	50
4.4	Pecahan peratusan responden mengikut asal usul perniagaan	52
4.5	Pecahan peratusan responden mengikut premis perniagaan	53

SENARAI SINGKATAN

DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
MPPB	-	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
MEDEC	-	Malaysian Entrepreneur Development Central Unit
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MITI	-	Ministry of International Trade and Industry
MLVK	-	Majlis Latihan Vokasional Malaysia
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
PPPK	-	Pusat Pembangunan Perniagaan Kecil
MARDI	-	Malaysia Agricultural Research and Development Institute
FMM	-	Federation of Malaysian Manufactures
FRIM	-	Forest Research Institute Malaysia
CIAST	-	Centre for Instructor and Advanced Skill Training
ITI	-	Industrial Training Institute
R & D	-	Research and Development
IKS	-	Industri Kecil dan Sederhana

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik	73-79
B	Analisis kebolehpercayaan	80
C	Jadual kekerapan	81-85
D	Statistik diskriptif	86
E	Data mentah kajian	87-90



PTTA UTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan pengenalan mengenai kajian yang dijalankan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, kerangka teori, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, limitasi kajian dan definisi operasional.

1.1 Pengenalan

Di sepanjang tempoh masa 1970 sehingga 1990, Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Ekoran daripada prestasi cemerlang ini, Malaysia telah berjaya menjadi salah sebuah negara yang mempunyai prestasi ekonomi yang pesat pada akhir 1980an dan awal tahun 1990an. Dengan keadaan ekonomi yang berkembang dan tumbuh dengan pesat sekaligus telah memberi peluang yang lebih terbuka serta kejayaan yang cemerlang ke arah pembangunan pelbagai industri di Malaysia.

Namun demikian, akibat daripada kemerosotan ekonomi yang bermula di akhir 1997 telah memberi kesan yang mendalam kepada semua pihak terutama kepada individu yang terlibat di dalam sektor perniagaan dan perdagangan Bumiputera. Walaupun begitu, menurut Belanjawan Negara 2001 ekonomi negara telah diumumkan mengalami pemulihan yang membanggakan. Keluaran Dalam Negara Kasar telah meningkat daripada penguncupan 7.4% pada 1998 kepada 5.8% dalam tahun 1999 (Abdul Halim Ahmad Tajuddin, 2000).

Keadaan ini telah memberi kelegaan di kalangan semua pihak terutama kepada mereka yang mempunyai hubungan langsung dengan bidang perniagaan. Bagi industri kecil, suasana ekonomi di abad ke 21 ini pastinya menjadi lebih mencabar. Ianya memerlukan golongan usahawan terutama di kalangan Bumiputera untuk terus berdaya saing dengan usahawan-usahawan lain bagi meningkatkan taraf ekonomi perniagaan mereka.

Kejayaan yang bakal dikecapi oleh usahawan ini pasti akan dapat membantu negara dalam usaha untuk meningkatkan peluang-peluang pekerjaan, memberikan sumbangan dalam usaha meningkatkan tabungan negara, menjimatkan tukaran mata wang asing dan mewujudkan agihan pendapatan yang lebih baik kepada penduduk.

Oleh itu, usahawan-usahawan Bumiputera seharusnya terus berusaha untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan serta teknik-teknik perniagaan bagi membolehkan mereka memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam perniagaan. Melaluinya, ia dapat membantu peningkatan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan perindustrian dan perdagangan di samping memenuhi hasrat dan objektif pembangunan negara serta merealisasikan Wawasan 2020.

1.2 Latar Belakang Masalah

Industri kecil memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi dengan mewujudkan, mengembang dan memperkukuhkan lagi struktur asas pembangunan industri negara. Industri kecil ini terlibat di dalam beberapa jenis pengeluaran barangan utama. Di antaranya termasuklah industri makanan dan minuman, industri tekstil, pakaian, kayu dan perabot, percetakan dan penerbitan, bahan-bahan kimia dan sebagainya. Keadaan ini pasti dapat membantu negara dalam usaha untuk memenuhi citarasa penduduk Malaysia terutama di kalangan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Namun demikian, industri kecil terutama yang melibatkan golongan Bumiputera seringkali menghadapi beberapa kekurangan yang jelas dalam operasi perniagaan mereka. Menurut Moha Asri Abdullah (1999), di antara masalah yang dihadapi adalah kekurangan pengalaman dan teknik pengurusan perniagaan serta kewangan, kemahiran teknologi yang rendah dan strategi pemasaran yang lemah. Dari segi pengurusan kewangan, mereka seringkali dikatakan tidak dapat menguruskan kewangan dengan baik. Sebagai contoh, usahawan kecil Bumiputera seringkali memberikan kemudahan kredit kepada pelanggan atau penghutang mereka. Pemberian ini pasti akan memberi kesan kepada tabung perniagaan dan mengurangkan modal pusingan mereka terutama apabila penghutang tidak membayar hutang mereka. Selain itu, ketiadaan rekod-rekod dan pendokumenan kewangan juga telah menyukarkan mereka untuk memperolehi pinjaman daripada pihak bank atau institusi kewangan.

Masalah pengurusan yang tidak cekap juga merupakan salah satu daripada masalah dalam operasi industri kecil di Malaysia. Pada umumnya, majoriti usahawan industri kecil hanya mempunyai tahap pendidikan formal yang rendah. Hanya sebilangan kecil sahaja pengusaha tersebut di dedahkan dengan ilmu pengurusan asas dalam sistem pengurusan moden dan berdaya saing. Sekiranya mereka mempunyai pengalaman daripada pendidikan yang tidak formal, ia hanya dalam

satu-satu fungsi pengeluaran sahaja iaitu sama ada fungsi pengeluaran, pemasaran atau pentadbiran. Keadaan ini pastinya memberi kesan negatif kepada kecemerlangan operasi industri kecil (Moha Asri Abdullah, 1999).

Industri kecil terutama golongan Bumiputera juga menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh mahir. Salah satu sebab utama adalah kerana mereka mempunyai tahap pendidikan formal yang rendah. Selain itu, majikan juga tidak mampu untuk menyediakan kursus latihan kepada para pekerja mereka sebagaimana yang sering dilakukan kepada oleh kebanyakan firma besar.

Usahawan kecil Bumiputera juga seringkali menghadapi masalah dari segi pemasaran produk-produk yang dikeluarkan. Ia berlaku kerana kualiti barangan atau produk yang dihasilkan dikatakan mempunyai mutu yang rendah. Mereka dikatakan menggunakan bahan mentah yang berkualiti rendah, penggunaan teknologi yang rendah, ketiadaan sistem kawalan mutu, tahap kepakaran dan kemahiran pekerja yang rendah serta keupayaan untuk meningkatkan mutu keluaran yang terbatas.

Menyedari hakikat ini, pelbagai program bantuan dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membangunkan industri kecil terutama di kalangan Bumiputera. Di antara kaedah yang digunakan oleh kerajaan adalah dengan menubuhkan pelbagai agensi sokongan dan menyediakan pelbagai latihan serta pendidikan teknik dan vokasional kepada masyarakat dan bakal usahawan. Bantuan-bantuan yang diberi diharapkan akan dapat membantu memenuhi hasrat negara untuk mewujudkan golongan usahawan Bumiputera yang cemerlang dan berdaya saing.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Mohd Amir Sharifuddin Hashim (1992), peranan usahawan dalam pembangunan ekonomi mula menarik perhatian ahli-ahli ekonomi sejak ianya dikemukakan oleh Richard Cantillon dalam tahun 1805. Kini usahawan telah diakui sebagai faktor yang paling kritis dalam pembangunan sesebuah ekonomi.

Menyedari hakikat ini, Dasar Ekonomi Baru dibentuk untuk membasmi kemiskinan dan memastikan struktur ekonomi penduduk berada di dalam keadaan seimbang sama ada dari segi peluang untuk mendapatkan pelajaran mahupun pekerjaan (Shahidan Kassim, 1992). Oleh itu, pihak kerajaan sentiasa⁺ memberikan galakan kepada golongan Bumiputera untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan keusahawanan.

Berdasarkan kepada Belanjawan Johor 2000 (www.smpke.jpm.my/ucap/webnew.htm), 80% daripada industri di Johor adalah termasuk di dalam kategori Industri Kecil dan Sederhana. Jumlah tersebut telah banyak menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negeri. Di antara pembangunan usahawan yang dilakukan adalah dengan menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras dan Pemantauan IKS peringkat negeri Johor dan membina kompleks IKS yang serba lengkap dengan pelbagai kemudahan. Salah satu kompleks IKS tersebut telah didirikan di Parit Raja dengan kos sebanyak RM 2.9 juta. Ianya disewakan kepada para pengusaha IKS dengan kadar sewa separuh daripada kadar pasaran. Pemilihan Parit Raja sebagai salah satu kawasan yang menempatkan kompleks tersebut adalah disebabkan oleh masyarakat di Parit Raja sendiri yang banyak melibatkan diri dalam bidang tersebut.

Oleh itu, berdasarkan kepada keadaan di atas, ia telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian tentang usahawan kecil Bumiputera Parit Raja. Tajuk kajian kes ini adalah “Latar Belakang Pendidikan Teknik dan Vokasional di Kalangan Usahawan Kecil Bumiputera Parit Raja dan keperluannya dalam perniagaan yang diceburi : satu kajian kes”. Kajian ini turut mendapat galakan daripada Setiausaha Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Johor cawangan Parit Raja iaitu Encik Subarjo Sukardi. Menurutnya, kajian seperti ini belum pernah lagi dijalankan dan diharapkan ianya dapat memberi manfaat kepada usahawan-usahawan kecil Bumiputera.

1.4 Soalan Kajian

Pengkaji ingin mengetahui :

- a. Apakah pendidikan asas teknik dan vokasional yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya?
- b. Apakah pendidikan tinggi teknik dan vokasional yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya?
- c. Apakah latihan teknik dan vokasional yang disertai oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya?
- d. Apakah tanggapan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja terhadap pendidikan serta latihan teknik dan vokasional yang disediakan oleh agensi-agensi sokongan?
- e. Apakah latihan serta kemahiran teknik dan vokasional yang diperlukan oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH


1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau latar belakang pendidikan teknik dan vokasional, tanggapan terhadap latihan teknik dan vokasional yang telah disertai dan keperluan latihan serta kemahiran teknik dan vokasional di kalangan usahawan kecil Bumiputera di Parit Raja.

Tinjauan yang dilakukan ini meliputi:

- a. Meninjau pendidikan asas teknik dan vokasional yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya.
- b. Meninjau pendidikan tinggi teknik dan vokasional yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya.
- c. Mengenal pasti latihan teknik dan vokasional yang disertai oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya.
- d. Mengenal pasti tanggapan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja terhadap pendidikan serta latihan teknik dan vokasional yang disediakan oleh agensi-agensi sokongan.
- e. Mengenal pasti latihan serta kemahiran teknik dan vokasional yang diperlukan oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam perniagaannya.

1.6 Kerangka Teori



1.6.1 Huraian Kerangka Teori

Berdasarkan kepada kerangka teori di sebelah, pengkaji akan mengkaji tentang lima aspek utama yang melibatkan :

- a. Pendidikan asas teknik dan vokasional yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera di dalam menguruskan perniagaan yang diceburi.
- b. Pendidikan tinggi teknik dan vokasional yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera di dalam menguruskan perniagaan yang diceburi.
- c. Latihan teknik dan vokasional yang disertai oleh usahawan kecil Bumiputera di dalam menguruskan perniagaan yang diceburi.
- d. Tanggapan usahawan kecil Bumiputera terhadap pendidikan serta latihan teknik dan vokasional yang disediakan oleh agensi sokongan.
- e. Latihan serta kemahiran teknik dan vokasional yang diperlukan oleh usahawan kecil Bumiputera bagi menguruskan perniagaan yang diceburi.

Melalui kajian yang dilakukan ini, ia dapat membantu pengkaji untuk mengetahui lebih lanjut tentang kedudukan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera dalam usaha untuk meningkatkan prestasi perniagaan mereka.

1.7 Kepentingan Kajian

Latihan serta kemahiran teknik dan vokasional adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan kelancaran sesebuah perniagaan. Pengkaji menumpukan kajian ke atas latar belakang pendidikan teknik dan vokasional, tanggapan terhadap pendidikan serta latihan teknik dan vokasional yang disertai dan latihan serta kemahiran teknik dan vokasional yang diperlukan oleh usahawan kecil Bumiputera di Parit Raja dalam perniagaannya.

Melalui kajian yang dilakukan, ia diharap dapat membantu usahawan kecil Bumiputera menilai semula pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada di dalam perniagaan mereka. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran teknik dan vokasional yang sedia ada kepada tahap yang lebih baik melalui saluran-saluran yang telah disediakan.

Selain daripada itu, kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan usahawan agar menilai semula program-program latihan serta kemahiran teknik dan vokasional yang disediakan kepada usahawan-usahawan kecil Bumiputera. Di antara agensi-agensi yang terlibat di dalam menyediakan program-program tersebut adalah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) dan sebagainya. Di harapkan agar program-program yang dirancang dan dilaksanakan akan dapat memberikan hasil yang baik kepada semua pihak yang terlibat.

Melalui kajian ini juga diharapkan agar pihak di Jabatan Teknik dan Vokasional dapat menyediakan sukatan mata pelajaran yang bersesuaian bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang teknik dan vokasional di samping menepati kehendak pasaran kerja.

Di samping itu, kajian ini diharapkan juga akan dapat memberi panduan kepada golongan pelajar di dalam bidang teknik dan vokasional supaya sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang tersebut. Ini kerana pengetahuan yang dimiliki akan membantu mereka terutama apabila berhadapan dengan dunia pekerjaan yang sebenar.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya menumpukan kepada usahawan kecil Bumiputera di Parit Raja, Batu Pahat. Responden yang terlibat meliputi usahawan-usahawan kecil yang menjalankan perniagaan kedai makan, kedai pakaian, perusahaan pemprosesan makanan ringan dan sebagainya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.9 Definisi Istilah dan Operasional

Kajian ini bertajuk “Latar belakang pendidikan teknik dan vokasional di kalangan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dan keperluannya dalam perniagaan yang diceburi : satu kajian kes.” Berikut adalah definisi-definisi istilah yang berkaitan dengan kajian ini:

a. Latar belakang

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), ‘latar belakang’ didefinisikan sebagai dasar kepada sesuatu perkara. Ia juga berupa pengalaman (pendidikan, alam sekitar dan lain-lain) seseorang yang biasanya mempunyai hubungan atau pengaruh ke atas keadaan dirinya pada sesuatu masa. Berdasarkan kajian ini, ‘latar belakang’ merujuk kepada perkara dan ciri-ciri asas yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera di dalam menjalankan perniagaan mereka.

b. Pendidikan

Menurut Langford dalam Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (2000), ‘pendidikan’ adalah suatu aktiviti yang bermatlamatkan hasil-hasil praktikal berbeza daripada aktiviti-aktiviti yang bermatlamatkan hasil-hasil keteorian.

Peters dalam Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (2000) pula menyatakan ‘pendidikan’ adalah penyampaian apa sahaja yang berfaedah, melibatkan ilmu pengetahuan dan pemahaman. Di dalam kajian ini, perkataan ‘pendidikan’ ini merujuk kepada kedudukan ilmu pengetahuan dan latihan yang dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja di dalam menjalankan perniagaan mereka.

c. Pendidikan Teknik dan Vokasional

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), 'teknik' membawa maksud pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan barang-barang hasil industri seperti jentera, bangunan dan sebagainya. 'Vokasional' pula didefinisikan sebagai kursus pendidikan amali dan latihan yang menitik beratkan kemahiran yang diperlukan untuk sesuatu pekerjaan.

Kongres United States dalam Calhoun dan Finch (1982) mendefinisikan 'pendidikan vokasional' sebagai,

“ Organized educational programs which are directly related to the preparation of individuals for paid or unpaid employment, or for additional preparation for a career requiring other than baccalaureate or advanced degree. ”

Menurut Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (2000), 'vokasional' berasal daripada perkataan 'vocation' yang bermaksud pekerjaan. Oleh itu, 'pendidikan vokasional' adalah suatu program yang mengandungi pengetahuan teknikal, pemupukan nilai murni dan pemberian latihan kemahiran dalam suatu bidang pekerjaan.

Di dalam kajian ini, 'pendidikan teknik dan vokasional' merujuk kepada ilmu pengetahuan di dalam sesuatu bidang yang mempunyai hubungan kait dengan perniagaan yang diceburi. Melalui pengetahuan yang dimiliki ini, ia diharapkan akan dapat membantu meningkatkan prestasi perniagaan di kalangan usahawan-usahawan kecil Bumiputera.

d. Usahawan Kecil

Menurut Peter Drucker dalam Barjoyai Bardai (2000) mendefinisikan 'usahawan' sebagai seorang yang berupaya memindahkan sumber ekonomi dari sektor yang kurang daya produktivitinya ke sektor yang lebih tinggi daya produktivitinya. Menurut Yep Putih (1985), 'usahawan' merupakan tenaga manusia yang bertanggungjawab membentuk dan mewujudkan usaha atau kerja dengan menggunakan faktor-faktor pengeluaran iaitu tanah, modal dan pekerja. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), 'usahawan' membawa maksud orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan. 'Kecil' pula membawa maksud jumlah modal dan perusahaan yang tidak besar.

Di dalam kajian ini, usahawan kecil yang dimaksudkan adalah pengusaha-pengusaha Bumiputera yang mempunyai pendapatan tahunan kurang daripada RM100,000 setahun. Mereka menjalankan perniagaan di kawasan sekitar Parit Raja.

e. Bumiputera

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), 'Bumiputera' didefinisikan sebagai anak negeri atau peribumi. Di dalam kajian yang dijalankan, Bumiputera adalah merujuk kepada usahawan kecil Melayu yang merupakan warga peribumi Malaysia.

f. Keperluan

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), 'keperluan' didefinisikan sebagai sesuatu yang diperlukan, keharusan dan kemestian. Di dalam kajian ini, 'keperluan' merujuk kepada sesuatu kemestian yang seharusnya dimiliki oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dalam menjalankan perniagaan mereka.

g. Perniagaan

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000) merujuk 'perniagaan' sebagai perkara yang mempunyai hubungan dengan berniaga atau aktiviti menjual atau membeli sesuatu untuk mendapatkan keuntungan. Di dalam kajian ini, 'perniagaan' adalah merujuk kepada aktiviti yang dijalankan oleh usahawan kecil Bumiputera Parit Raja sebagai satu sumber pendapatan mereka.

h. Ceburi

Di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), 'ceburi' didefinisikan sebagai memasuki atau melibatkan diri di dalam sesuatu bidang kegiatan. Di dalam kajian ini, ia merujuk kepada sebahagian penduduk Bumiputera di Parit Raja yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan.

i. Kajian Kes

Menurut Mohamed Najib Abdul Ghafar (1999), 'kajian kes' adalah suatu usaha untuk mengkaji satu-satu unit pada satu-satu masa untuk melihat secara intensif peristiwa yang berlaku dan pada peringkat yang akhir dapat membuat satu andaian tentang unit populasi yang lebih besar tentang peristiwa yang sama. Dalam konteks kajian ini, 'kajian kes' boleh didefinisikan sebagai satu kajian ke atas usahawan kecil Bumiputera Parit Raja terhadap pendidikan teknik dan vokasional serta keperluannya di dalam perniagaan yang diceburi.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, maka secara umumnya kajian ini mengkaji latar belakang pendidikan teknik dan vokasional di kalangan usahawan kecil Bumiputera Parit Raja dan keperluannya di dalam perniagaan yang diceburi.

BAB II

SOROTAN PENULISAN

Bahagian ini mengandungi pernyataan, fakta, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan kajian kes.

2.1 Pendahuluan

Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di antara kaum di Malaysia. Salah satu langkah yang diambil adalah menggalakkan penyertaan golongan Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan mulai Rancangan Malaysia Kedua pada 1971. Menurut Rancangan Malaysia Ke 3 (1976-1989) dalam Chamhuri Siwar et.al. (1992), salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah untuk membolehkan Bumiputera menguasai sekurang-kurangnya 30% daripada sektor perdagangan dan perindustrian di semua peringkat.

Di dalam “Persidangan Prestasi Kini Dan Cabaran 1990,” satu penilaian terhadap prestasi ekonomi Bumiputera telah dibuat. Menurut Chamhuri Siwar et.al (1992), walaupun salah satu matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan hampir tercapai, namun pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30% masih belum terlaksana. Kenyataan ini telah disokong oleh Shahrudin Haron dalam Chamhuri Siwar et.al (1992). Beliau menyatakan bahawa DEB yang berakhir pada 1990 masih tidak dapat menepati matlamat tersebut. Oleh itu, penyertaan golongan usahawan Bumiputera yang berdaya maju haruslah ditingkatkan di masa hadapan.

2.2 Usahawan, Industri Kecil dan Peranannya

Menurut Yep Putih (1985), usahawan memainkan peranan yang penting dalam membuat keputusan perbelanjaan dan menghadapi risiko. Kebolehan usahawan untuk meningkatkan prestasi operasi perniagaan akan memberikan kejayaan kepada perniagaan mereka.

Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Gregory dan Patricia (1983). Mereka menyatakan bahawa usahawan yang berjaya berkeupayaan untuk mengambil risiko, bijak dalam membuat keputusan, sentiasa sensitif terhadap perubahan semasa dan mempunyai pengalaman dalam melakukan perancangan perniagaan.

Dari segi pendefinisian industri kecil yang disertai oleh usahawan, Moha Asri Abdullah (1999) menyatakan masih tidak wujud kata sepakat kerana definisi ini sering berubah-ubah. Walau bagaimanapun, sebahagian besar ahli akademik bersetuju bahawa definisi usahawan kecil dapat dinilai melalui pelbagai kaedah termasuklah jumlah bilangan pekerja, nilai modal berbayar, nilai modal tetap, nilai keluaran dan pulangan atau untung.

Tiga agensi antarabangsa iaitu Bank Dunia (1994), United Nations Industrial Development Organisation (UNIDO) (1985) dan Bank Pembangunan Asia (1990) telah mendefinisikan industri berdasarkan tiga kategori utama:

- a. Industri kecil sebagai operasi perniagaan dan perusahaan yang mempunyai pekerja kurang daripada 50 orang.
- b. Industri bersaiz sederhana sebagai operasi perniagaan atau perusahaan yang mempunyai pekerja di antara 50 hingga 199 orang.
- c. Industri bersaiz besar sebagai firma yang mempunyai bilangan pekerja 200 orang dan ke atas.

Moha Asri Abdullah (1999) juga menyatakan bahawa secara amnya pakar-pakar bersetuju bahawa peranan usahawan dan peniaga-peniaga kecil dalam pembangunan ekonomi adalah sangat penting. Berikut adalah di antara peranan yang pernah disebutkan:

- a. Usahawan dan peniaga kecil merupakan sumber tradisional kepada penubuhan industri-industri baru serta teknik-teknik pemprosesan yang moden. Mereka menjadi asas kepada inovasi yang boleh membangunkan negara.
- b. Peniaga kecil adalah jalan mudah bagi memupuk bakat usahawan. Kebanyakan peniaga-peniaga besar di Malaysia dan di luar negeri berpunca daripada kegiatan usahawan-usahawan kecil seperti yang berlaku kepada Mendiang Tan Sri Lim Boon Siew.
- c. Usahawan dan peniaga-peniaga kecil adalah faktor terpenting dalam sesebuah negara membangun kerana mereka dapat mengurangkan kebergantungan kepada pengusaha-pengusaha asing.

- d. Perniagaan adalah sumber pekerjaan terpenting dan melebihi jumlah pekerja-pekerja yang makan gaji dengan kerajaan.

Menurut W. Steven Brown dalam Mohamed Sulaiman (1996), terdapat 5 syarat asas bagi kejayaan sesebuah perniagaan. Asas-asas ini merangkumi produk berkualiti, masa yang tepat, modal dan sumber manusia yang mencukupi serta pengurusan yang efektif. Namun demikian, sekiranya usahawan tidak mempunyai pengurusan yang efektif, keputusan yang tepat tidak akan dapat dibuat mengenai bentuk produk serta waktu ianya patut dikeluarkan ke pasaran. Perniagaan yang tidak mempunyai pengurusan yang baik tidak akan berupaya untuk memperolehi dan mengekalkan modal yang mencukupi. Hanya pengurusan yang baik dapat menarik mereka yang berbakat dan berpotensi untuk memajukan perniagaan berkenaan.

Menurut Mohamed Sulaiman (1996), setiap usahawan sama ada berskala besar, sederhana mahupun kecil mestilah berkemampuan untuk menguruskan perniagaan yang diceburi dengan cekap dan berkesan. Salah satu daripada aspek pengurusan yang dimaksudkan adalah usahawan mampu untuk mengendalikan urusan kewangan dan perakaunan dengan cekap. Usahawan harus mampu menyediakan laporan serta rekod kewangan yang baik kerana ia akan digunakan di dalam membuat sesuatu keputusan. Sekiranya seseorang usahawan tidak memiliki kebolehan ini, sebarang keputusan yang dibuat hanya merupakan jangkaan tanpa didasari fakta-fakta yang tepat.

2.3 Senario dan Prestasi Usahawan Kecil Masa Kini

Ciri-ciri senario pembangunan ekonomi abad ke 21 ini adalah jauh berbeza berbanding tahun 80-an. Di antara ciri-ciri tersebut adalah persaingan yang lebih tinggi dan sengit, penekanan kepada aspek kecekapan dan daya pengeluaran yang lebih bermutu.

Persoalan yang wujud ialah sama ada usahawan kecil Bumiputera mampu untuk berhadapan dengan perkembangan struktur ekonomi ini. Secara keseluruhannya, penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian adalah pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan penglibatan masyarakat bukan Bumiputera.

Shaharuddin Haron dalam Chamhuri Siwar et.al (1992), menyatakan bahawa usahawan-usahawan Bumiputera seringkali berhadapan dengan pelbagai masalah dalaman dan luaran sehingga menyebabkan mereka tidak dapat bertahan lama di pasaran. Di antara masalah-masalah tersebut adalah sikap kurang yakin dan tidak berani menanggung risiko, masalah kekurangan modal dan kekurangan kemahiran untuk menguruskan perniagaan. Selain itu, mereka juga dikatakan kurang mempunyai kemahiran untuk menguruskan kewangan perniagaan.


2.4 Pendidikan dan Latihan

Pendidikan dan proses pembelajaran membantu kejayaan seseorang individu. Pengaruh- pengaruh dan amalan perlakuan sesuatu keluarga dan masyarakat banyak mempengaruhi pembentukan sikap seseorang individu. Menurut Ee Ah Meng (1997), pembelajaran akan menyebabkan berlakunya perubahan tingkahlaku yang agak tetap dan ia berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan. Menurutnya, pembelajaran yang berlaku boleh berbentuk formal, informal dan nonformal.

Pendidikan formal merupakan pendidikan yang diterima berdasarkan sistem pendidikan yang telah disusun secara berperingkat berdasarkan umur individu. Pembelajaran informal pula merupakan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang diperolehi melalui pendedahan persekitaran yang diterima. Manakala pembelajaran nonformal pula melibatkan pembelajaran yang diperolehi daripada menghadiri kursus-kursus pendek, seminar, ceramah, bengkel dan forum yang dikendalikan oleh pihak-pihak tertentu untuk tujuan-tujuan tertentu. Ianya turut melibatkan aktiviti pendidikan yang terancang dan sistematik yang dikendalikan di luar rangka kerja sistem formal.

Persekolahan formal di Malaysia adalah berbentuk 6-3-2-2. Struktur ini membahagikan pendidikan kepada peringkat rendah, menengah rendah, menengah dan menengah atas iaitu peringkat STPM. Seterusnya, pendidikan tinggi pula memberi peluang kepada setiap individu untuk meningkatkan prestasi akademik dan pengetahuan tanpa mengira had umur.

Matlamat utama pendidikan di peringkat tinggi adalah untuk menjamin pengeluaran tenaga profesional yang diperlukan di samping memberi kemudahan kepada penyelidikan dan perkhidmatan rundingcara yang rapi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Peringkat-peringkat pendidikan ini dapat dijelaskan melalui Rajah 2.1 di bawah:



Rajah 2.1 : Peringkat pendidikan di Malaysia

Menurut Mat Hassan Esa dalam Chamhuri Siwar et.al (1992), pendidikan sama ada formal atau tidak formal boleh membantu kejayaan seseorang usahawan. Ramai usahawan telah berjaya di dalam perniagaan dan perdagangan melalui pembelajaran secara tidak formal. Menurutnya lagi, penanaman sifat – sifat dan penghayatan keusahawanan perlu diberikan sejak di peringkat kanak-kanak. Pendidikan secara formal pula hanya bertujuan untuk mengukuhkan nilai-nilai yang telah sedia ada.

Di dalam Konvensyen Cabaran Ekonomi Bumiputera selepas 1990 pula, Abdul Majid Salleh dalam Chamhuri Siwar et. al. (1992) turut menyatakan bahawa pendidikan dan latihan merupakan alat terpenting dalam pembangunan tenaga manusia. Ianya melibatkan semua peringkat sama ada di sekolah, universiti, institusi latihan, perorangan dan juga pihak kerajaan secara menyeluruh. Menurutny lagi, dasar pendidikan sewajarnya berorientasikan kepada keperluan sektor swasta.

Shaharuddin Haron dalam Chamhuri Siwar et.al (1992) berpendapat bahawa pendidikan secara informal khususnya berasaskan ciri-ciri seorang usahawan yang baik masih perlu diterapkan ke dalam diri usahawan Bumiputera agar mereka mengetahui akan desakan alam perniagaan. Mereka masih perlu diajar tentang disiplin perniagaan yang menjadi tunggak kejayaan yang sepatutnya telah jelas dalam pemikiran mereka.

Menurut Mat Hassan Esa dalam Chamhuri Siwar et.al (1992), masyarakat Bumiputera masih lemah di dalam menguruskan sesebuah perniagaan. Ini kerana mereka mempunyai tahap pendidikan yang rendah berbanding dengan bangsa lain. Oleh itu, usahawan Bumiputera seharusnya diberi peluang untuk mengikuti latihan dan kursus kemahiran yang berkaitan dengan perniagaan yang diceburi. Ia adalah penting dalam tujuan untuk memperolehi pengalaman, kemahiran dan ilham.

2.5 Pendidikan Teknik dan Vokasional

Di dalam usaha untuk mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam tahun 2020, ia memerlukan sebuah masyarakat yang mempunyai kemahiran teknologi yang sepenuhnya melalui proses teknologi yang paling mudah kepada teknologi yang lebih tinggi. Salah satu daripada kaedah yang digunakan adalah melalui pendidikan serta latihan teknik dan vokasional kepada masyarakat Malaysia. Pendidikan ini merupakan salah satu cabang pendidikan yang mementingkan aspek kemahiran dan kerjaya. Pendidikan ini berkonsepkan kepada program yang menyediakan kemahiran – kemahiran teknikal untuk memasuki alam pekerjaan.

Young et. al. (1998) turut memberikan pendapatnya dengan menyatakan,

“Policies for vocational education are linked to national aspirations and achievement in economic growth. Thus they are influenced by past success and failures as well as future hopes. There is an acknowledge strong statistical relationship between education attainment and economic growth...”

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) menyatakan bahawa sistem pendidikan teknik dan vokasional bertujuan untuk menyediakan pelbagai kemahiran bagi mencapai perkembangan dalam bidang perindustrian. Ini adalah bersesuaian dengan hasrat negara yang sedang menuju ke arah negara maju menjelang 2020. Melalui pendidikan teknik dan vokasional, ia memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Selain memberikan latihan dan kemahiran, ia juga menerapkan sikap positif dan ketrampilan individu dalam usaha untuk melahirkan masyarakat dan sumber tenaga yang serba boleh.

BIBLIOGRAFI

Abdul Halim Ahmad Tajuddin (2000). "Siri Ucapan Penting: Belanjawan 2001."

Abdul Majid Salleh (1992). "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990: Sorotan Isu dan Cadangan." dlm. Chamhuri Siwar et.al. "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 14 – 27.

Abdul Rahman Md. Aroff dan Zakaria Kasa (2000). "Falsafah dan Konsep Pendidikan." Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Alias Baba (1999). "Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial." Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Badrul Hisham Hj. Alang Osman (1995). "Pengaruh Pendidikan Formal dan Non Formal Terhadap Prestasi Perniagaan." Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis.

Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Barjoyai Bardai et.al. (1997). "Perakaunan." Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Burns, A.C. and Bush, R.F. (1998). "Marketing Research." 2cd. ed. United States: Prentice- Hall Inc.

Calhoun, C.C and Finch, A.V. (1982). "Vocational Education : Concepts and Operations." 2cd. ed. California: Wardsworth Publishing Company Belmont.

Chamhuri Siwar et.al. (1992). "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2000). "Kamus Dewan Edisi Ketiga." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Finch, R.C. (1992). "Curriculum Development in Vocational and Technical Education: Planning, Content and Implimentation." 4th ed. Virginia Polytechnic Institute & State University.

Gregory, F.K. and Patricia, G.K. (1993). "Your Business Is A Success Now What?" New York: John Wiley.

Hornby, A.S. (1985). "Oxford Advanced Learners Dictionary of Current English." Oxford: Oxford University Press.

Jaafar Muhamad (1993). "Asas Pengurusan Perniagaan." Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). "Dasar Pendidikan Negara." <http://www.moe.gov.my/adbid.html>

Krejeie, R. V. And Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size for Research, Education and Phychological Measurement."

Lee, Pau Wing (2001). "Wawasan 2020:Peranan Pendidikan Dalam Pembangunan Sumber Manusia." <http://www.epu.jpm.my/rm7172134.htm>.

Mat Hassan Esa (1992). "Pelan Induk Budaya Keusahawanan." dlm. Chamhuri Siwar et.al. "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990."Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 54 –75.

Mohd. Amir Sharifuddin Hashim (1992). "Sumber Usahawan Bumiputera: Peranan Universiti." dlm. Chamhuri Siwar et.al. "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 199 –219.

- Moha Asri Abdullah (1998). "Persepsi Usahawan Terhadap Program Latihan : Kajian di Pulau Pinang." dlm. Mohd. Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin. "Pembangunan Sosial dan Ekonomi di Malaysia." Universiti Malaya. 238-249
- Moha Asri Abdullah (1999). "Industri Kecil di Malaysia : Pembangunan dan Masa Depan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moha Asri Abdullah dan Nailul Murad Mohd. Nor (1998). "Usahawan dan Industri Kecil Makanan di Pulau Pinang." dlm. Mohd. Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin. "Pembangunan Sosial dan Ekonomi di Malaysia". Universiti Malaya. 250-259.
- Mohd Feroz Abu Bakar (2000). "Pelajar Berkemahiran Mempunyai Kelebihan" dlm Berita Harian (13 Mac 2000).
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Sulaiman (1996). "Kepimpinan dan Pengurusan Strategik Untuk Kecemerlangan Organisasi." <http://www.lib.usm.my/press/SSU/Sulai/>
- Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS10.0 For Window." Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Shaharuddin Haron (1992). "Peningkatan Penyertaan Bumiputera Dalam Perdagangan dan Perindustrian." dlm. Chamhuri Siwar et.al. "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 38-53
- Shahidan Kassim (1992). "Pembangunan Usahawan Bumiputera: Prestasi Kini, Prospek dan Cabaran Selepas 1990." dlm. Chamhuri Siwar et.al. "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 79 –198.

- Shahril Marzuki (1993). "Peranan Pendidikan Vokasional Dalam Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Bagi Mencapai Matlamat Wawasan 2020." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. **Jilid (7)**, 23-29.
- Young, S. et. Al. (1998). "Changing Vocational Education and Training : An International Comparative Perspective." 1st. ed. New York : British Library in Publication Data.
- Uma Sekaran (1992). "Research Method for Business : A Skill Building Approach." 2cd. ed. United States of America: John Wiley & Son Inc.
- Weirman, W. (1995) "Research Method in Education: An Introduction." 6th. ed. London: Allyn and Bacon.
- Yep Putih (1985). "Keusahawanan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993). "Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan Vokasional Satu Jaminan Kerjaya." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. **Jilid (7)**, 30-37.
- Zinkmund, G.W. (1997). "Business Research Methods." 5th ed. The Dryden Press.
- _____ (1999). "Panduan Menulis Tesis Universiti Teknologi Malaysia." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- _____ (2000). "Latar belakang, Cabaran dan Prospek Industri Pemborongan." <http://www.kpdnhq.gov.my/homepage/pdn/konv/konvesyenpapernaimnest.htm> berita24.htm.
- _____ (2000). "Belanjawan Johor 2000." www.smpke.jpm.my/ucap/webnew.htm



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKUN AMINAH